

10 FEB 1996

Pemuda (ULANGAN membetulkan para satu berhubung tarikh pilihan raya)  
PEMUDA MINTA AKUR KEPADA MAIFESTO BN BERHUBUNG PERLANTIKAN KM SABAH

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO berpendapat perlantikan Ketua Menteri Sabah perlu dibuat mengikut manifesto yang dibuat oleh Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri Februari 1994.

Ketuanya Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik hari ini berkata jika manifesto itu menjanjikan kepada rakyat Sabah bahawa perlantikan ketua menteri dibuat mengikut giliran, maka kandungan manifesto itu harus ditunaikan.

Pendirian ini dicapai oleh anggota exco pergerakan itu pada mesyuaratnya yang dipengerusikan oleh Rahim buat kali pertama setelah kembali memegang jawatan itu bulan lepas.

Bagaimanapun, kata Rahim anggota exco menyerahkan kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perkara itu dan pergerakan itu menyokong sebarang keputusan yang dibuat oleh Dr Mahathir.

Beliau juga berkata anggota exco Pergerakan Pemuda juga meminta kerajaan supaya mengambil langkah sesuai supaya bantuan pendidikan terus diberikan kepada lebih 1,000 penuntut yang gagal memperolehi pinjaman dan biasiswa MARA untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara berikutan masalah kewangan yang dihadapi MARA sekarang.

Beberapa program lain telah dikenalpasti pada mesyuarat hampir tiga jam itu termasuk program larian UMNO pada 10 Mei depan, penubuhan beberapa jawatankuasa untuk mengkaji semula Rukun Pemuda, penganjaran konvensyen Pemuda serta penubuhan institusi latihan.

Katanya mesyuarat anggota exco Pergerakan Pemuda juga bersetuju menubuhkan satu institusi pergerakan wawasan yang bertujuan meneliti dan mengikuti perancangan serta perlaksanaan strategi program sektor awam sama ada ia benar menepati sasaran di samping mencari kaedah yang tepat dan berkesan untuk memimpin generasi akan datang.

Rahim juga berkata setakat ini beliau belum membuat keputusan sama ada akan bertanding mempertahankan jawatannya pada pemilihan Pergerakan Pemuda tahun ini.

Beliau juga menjelaskan bahawa lawatannya ke negeri-negeri bertujuan menerangkan isu kepimpinan pergerakan itu kepada anggotanya. -- BERNAMA

ARA NAK